

1 MAR 1996

ALIRAN SARAN KUASA MB DAN KM DIKAJI SEMULA

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Aliran hari ini mencadangkan agar kuasa Ketua Menteri Sarawak dan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri dikaji semula selaras dengan langkah kerajaan pusat mengurangkan kuasa Ketua Menteri Sabah.

Pergerakan reformasi sosial itu berkata dalam satu kenyataan bahawa jika pihak berkuasa serius mengenai usaha membendung penyalahgunaan kuasa, ia tidak seharusnya melihat kepada Sabah saja.

"Kuasa Ketua Menteri Sarawak juga patut dikaji semula," kata Aliran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan hasrat kerajaan mengurangkan kuasa Ketua Menteri Sabah pada Selasa lepas, berkata Ketua Menteri negeri itu terlalu berkuasa, sambil merujuk kepada penyelewengan dalam pemberian konsesi balak sebagai satu contoh.

Aliran turut mempersoalkan kenapa langkah itu dibuat sekarang ketika UMNO dijangka melepaskan jawatan Ketua Menteri Sabah kepada pemimpin sebuah lagi parti komponen Barisan Nasional berdasarkan perjanjian untuk mengilir-gilirkan jawatan itu.

Menurutnya status Sabah dan Sarawak tidak serupa seperti negeri-negeri lain kerana kedua-duanya bergabung dengan semenanjung Malaysia untuk membentuk Malaysia pada 1963.

Oleh yang demikian, kata Aliran, skop kuasa Ketua Menteri kedua-dua negeri itu tidak boleh dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin negeri di semenanjung Malaysia. -- BERNAMA

AU MAI